**PERATURAN PEMARKAHAN**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2023**
**PENDIDIKAN ISLAM**

| No. Soalan | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1(a) | (i) | Maksud sunnatullah. :<br>Sistem/ peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubahnya.(1m) | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | (ii) | Kesan memahami sunnatullah:<br>• Meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah SWT Yang Maha Bijaksana.<br>• Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan.<br>• Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif dalam setiap keadaan.<br>• Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam.<br>• Membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran kehidupan. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | (iii) | **Dua** pengajaran ayat :<br>• Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusi (1m) bersesuaian dengan peraturan dan ketetapan- Nya.(1m)<br>• Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi (1m) supaya dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah.(1m)<br>• Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu (1m) agar menjadi pedoman dalam kehidupan.(1m)<br>• Kita hendaklah meyakini bahawa Al-Quran ialah petunjuk ke arah kebenaran (1m) bagi orang yang beriman dan bertakwa.(1m)<br>• Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa (1m) ketika menerima ujian dalam kehidupan.(1m)<br>• Kita hendaklah menjaga keimanan (1m) agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT.(1m) | 2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>(I+H) |
| 1(b) | (i) | Maksud bagi perkataan bergaris di bawahnya:<br>• pemimpin<br>• dan pekerja | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | (ii) | Nasihat Lukman al-Hakim kepada anaknya tentang tanggungjawab anak terhadap ibu bapa:<br>• Berbuat baik kepada ibu bapa<br>• Sentiasa bersyukur kepada Allah dan menghargai kedua ibu bapa | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | (iii) | Pengajaran hadis:<br>• Kita hendaklah menyedari bahawa setiap individu berperanan sebagai pemimpin (1m) yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.(1m)<br>• Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang dipimpin (1m) dengan adil dan amanah.(1m)<br>• Kita hendaklah memelihara dan melindungi anggota keluarga (1m) agar selamat di dunia dan di akhirat.(1m) | 1 isi x 2m<br>= 2m |

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm



CamScanner

<table>
<tr><td></td><td></td><td>• Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap segala urusan keluarga dan rumahtangga (1m) agar kekal harmoni.(1m)<br>• Kita hendaklah sentiasa bersikap amanah dalam pekerjaan (1m) supaya rezeki diberkati.(1m)<br><br>• Kita hendaklah berbakti kepada ibubapa semasa mereka hidup atau setelah meninggal dunia (1m) kerana jasa mereka tidak terbalas.(1m)<br><br>• Kita hendaklah mencontohi sunnah Rasulullah SAW dalam aspek kepimpinan (1m) kerana baginda adalah contoh ikutan terbaik.(1m)</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(iv)</td><td>Soalan KBAT :<br><br>Sebagai seorang pekerja, kita mempunyai peranan untuk berganding bahu bersama pemimpin dalam membangunkan negara.<br>Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan peranan pekerja dalam pembangunan negara.<br><br>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta dengan huraian yang ringkas</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta dengan huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah</td><td>3</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas serta ada kesimpulan dan rumusan.</td><td>4</td></tr>
</table>
<br>Cadangan Isi Jawapan:<br>❖ Bekerja dengan penuh integriti.<br>❖ Bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan.<br>❖ Melaksanakan setiap tugasan dengan sempurna.<br><br><u>Catatan :</u><br>Lain-lain isi jawapan yang munasabah diterima.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>1(c)</td><td></td><td>Hukum mad lazim bagi potongan ayat :<br>❖ Mad lazim harfi muhaffaf<br>❖ Mad lazim kalimi muthaqqal</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td>2 (a)</td><td>(i)</td><td>Maksud al-Muntaqim :<br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas (1m).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua balasan Allah SWT terhadap orang yang melakukan kezaliman :<br>• Pembalasan dengan seksaan api neraka (1m) terhadap orang yang menolak peringatan Al-Quran.(1m)<br><br>• Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamanya (1m) setelah diutuskan rasul dan diberikan keterangan yang jelas.(1m)<br><br>• Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa Ad-Dukhan (1m) iaitu kaum Quraisy ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka (1m) kerana menolak dakwah Rasulullah SAW.(1m)</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>(I+H)</td></tr>
</table>



CS CamScanner

(iii)

**Soalan KBAT :**

*Kawasan laut mati yang terletak di Jordan merupakan bukti Allah SWT bersifat al-Muntaqim.*

Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat mengambil iktibar daripada bukti tersebut?

**Rubrik penskoran**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan fakta sahaja | 1 |
| Menyatakan fakta dengan huraian yang ringkas | 2 |
| Menyatakan fakta dengan huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah | 3 |
| Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas serta ada kesimpulan dan rumusan. | 4 |

**Cadangan Jawapan:**

Saya akan berhati-hati dalam setiap tindakan yang diambil (1m) kerana yakin dengan pembalasan Allah SWT yang disediakan untuk hamba-Nya yang melampaui batas (1m). Contohnya, saya akan menjaga pergaulan agar tidak terjerumus ke dalam maksiat seperti yang diamalkan kaum terdahulu iaitu seks sejenis (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah mengambil pengajaran daripada peringatan yang diberikan oleh Allah SWT agar tidak mengundang kemurkaan daripada-Nya (1m)

**<u>Catatan :</u>**

*Lain-lain isi jawapan yang munasabah diterima.*

4m

---

2(b) (i)

Sejarah ringkas kemunculan golongan Syiah :

Kumpulan yang menuntut supaya Sayidina Ali bin Abi Talib r.a dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW (1m) dan berkeyakinan bahawa hanya Ahlul Bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah.(1m)

1 isi x 2m = 2m

---

(ii)

Prinsip utama aliran Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah :

- Menyakini bahawa imam-imam mereka adalah maksum, iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan dosa besar.
- Beriktikad bahawa jawatan imam telah ditentukan oleh Allah SWT.
- Menambah nama Sayidina Ali dalam syahadah selepas nama Nabi Muhammad SAW.
- Menolak hadis yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- Menolak ijmak dan qias sebagai sumber rujukan.
- Mengamalkan taqiah, iaitu menzahirkan sesuatu yang berbeza dengan pegangan sebenar

1 isi x 2m = 2m

---

(iii)

Perbezaan pandangan antara Ahli Sunnah Wal Jamaah dan khawarij berkaitan dengan isu pelaku dosa besar dan isu kedudukan iman.

| | AHLI SUNNAH WAL JAMAAH | KHAWARIJ |
|---|---|---|
| ISU PELAKU DOSA BESAR | Pelaku dosa besar masih dikira mukmin, bukan kafir. Namun dihukum fasik jika tidak bertaubat. | Pelaku dosa besar dianggap dosa besar dan kafir. |
| KEDUDUKAN IMAN | Meyakini bahawa iman boleh bertambah dan berkurang | Iman tidak boleh bertambah dan berkurang, sebaliknya iman ada apabila |

2 isi x 2m = 4m



CamScanner

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | <table><tr><td></td><td></td><td>melakukan kebaikan dan iman akan hilang apabila melakukan kemungkaran.</td></tr></table> | |
| | (iv) | Cara untuk menangani ajaran Syiah daripada berleluasa :<br>• Penguatkuasaan undang-undang daripada pihak berkuasa<br>• Menyebarkan ajaran Islam sebenar kepada umat Islam<br>• Melangkapkan diri dgn kefahaman Islam pada semua peringkat umur<br>• Program pemulihan akidah kepada mereka yang menyimpang daripada ajaran Islam | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| 3(a) | (i) | Maksud haji :<br>Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji (1m) untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.(1m) | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | (ii) | **Dua** ciri kemampuan bagi jemaah haji dan umrah :<br>• Cukup perbelanjaan pergi dan balik<br>• Ada kenderaan pergi dan balik<br>• Sihat tubuh badan<br>• Aman perjalanan pergi dan balik | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | (iii) | **Dua** larangan ihram khusus bagi lelaki :<br>• Menutup kepala<br>• Memakai pakaian berjahit/ bercantum | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | (iv) | **Dua** hikmah haji dan umrah dari aspek ekonomi :<br>• Meningkatkan taraf hidup umat Islam (1m) dengan menabung dalam Tabung Haji.(1m)<br>• Meningkatkan dana umat Islam (1m) dengan menggalakkan mereka menyimpan di Tabung Haji (1m)<br>• Mewujudkan sumber pendapatan baharu (1m) bagi memberi nilai tambah kepada para penyimpan melalui pelaburan yang dijalankan oleh pihak Tabung Haji (1m) | 2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>(I+H) |
| 3(b) | (i) | Maksud solat sunat Istikharah :<br>Solat yang dilakukan untuk memohon petunjuk Allah SWT (1m) dalam menentukan pilihan bagi sesuatu perkara.(1m) | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | (ii) | Hukum menunaikan solat sunat Istikharah :<br>Sunat | 1 isi x 1m<br>= 1m |
| | (iii) | **Tiga** kaifiat menunaikan solat sunat Istikharah :<br>• Niat solat sunat Istikharah<br>• Dilakukan secara bersendirian<br>• Dilakukan sebanyak 2 rakaat<br>• Membaca surah al-Fatihah dan diikuti surah al-Kafirun atau surah lain pada rakaat pertama<br>• Membaca surah al-Fatihah dan diikuti surah al-Ikhlas atau surah lain pada rakaat kedua<br>• Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam<br>• Berdoa dengan doa-doa yang sesuai | 3 isi x 1m<br>= 3m |
| | (iv) | **Soalan KBAT :**<br>*Ahmad telah mendapat tawaran menyambung pelajaran di universiti dalam negara dan di luar negara. Dia melaksanakan solat sunat istikharah sebelum membuat pilihan.*<br>Kemukakan hujah anda terhadap situasi Ahmad dalam membuat keputusan.<br><br>**Rubrik penskoran**<br><table><tr><td>Deskriptor</td><td>Skor</td></tr></table> | |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta dengan huraian yang ringkas</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta dengan huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah</td><td>3</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas serta ada kesimpulan dan rumusan.</td><td>4</td></tr>
</table>
<br>
Cadangan Jawapan:<br>
Dapat meningkatkan keimanan dalam diri (1m) kerana menjadikan Allah SWT sebagai tempat pergantungan.(1m) Kesannya, ia dapat menjauhkan diri daripada perbuatan syirik dengan memohon bantuan selain Allah SWT. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah mendidik diri agar sentiasa memohon sesuatu hanya kepada Allah SWT terutamanya dalam membuat keputusan agar hidup diredai Allah SWT.(1m)<br>
<br>
<u>Catatan :</u><br>
Lain-lain isi jawapan yang munasabah diterima.
</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>4(a)</td><td>(i)</td><td>
Sejarah kerajaan Umaiyah secara ringkas :<br>
• Asal penubuhannya bersempena nama Umaiyyah bin Abdu Syams bin Abdul Manaf.<br>
• Pengasasnya adalah Muawiyah bin Abi Sufian<br>
• Tempoh memerintah 41H hingga 132H<br>
• Keluasan kerajaan meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah<br>
• Bilangan khalifah seramai 14 orang<br>
• Khalifah pertama ialah Muawiyah bin Abi Sufian<br>
• Khalifah terakhir ialah Marwan bin Muhammad<br>
• Pusat pemerintahan ialah Damsyik, Syria
</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>
Dua faktor kemerosotan kerajaan Umaiyyah dari aspek akhlak :<br>
• Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros dalam perbelanjaan.<br>
• Keruntuhan moral dalam kalangan khalifah/ cenderung kepada hiburan/ kekejaman.
</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>
Dua sumbangan khalifah berikut :<br>
(a) Mua'wiyah bin Abi Sufian<br>
• Menjadikan Damsyik sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal.<br>
• Mewujudkan perkhidmatan pos berkuda<br>
• Memperkenalkan cap mohor rasmi kerajaan Umaiyyah<br>
• Menubuhkan jabatan setiausaha, jabatan cukai dan jabatan urusan awam<br>
• Memperkasakan armada laut<br>
<br>
(b) Umar bin Abd Aziz<br>
• Mengecualikan bayaran cukai jizyah terhadap kafir zimmi<br>
• Mengeluarkan arahan rasmi untuk membukukan hadis Rasulullah saw.<br>
• Membina rumah transit untuk para pedagang<br>
• Menaik taraf infrastruktur untuk kemudahan rakyat<br>
• Mengasaskan dewan penasihat yang dianggotai oleh para ulama.
</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m<br><br>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td>4(b)</td><td>(i)</td><td>
Riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim.<br>
• Nama penuh: Ahmad bin Muhammad Ibrahim<br>
• Tarikh lahir: 15 Mei 1916<br>
• Tarikh meninggal dunia: 17 April 1999<br>
• Gelaran: Professor Emeritus Tan Sri Doktor<br>
• Jawatan: Pensyarah kuliyyah undang-undang di UIAM/ hakim mahkamah rayuan dan mahkamah syariah.
</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>



CamScanner

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

<table>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua sumbangan beliau dalam perundangan di Malaysia:<ul><li>Sebagai anggota panel Pengasas Kuliyyah Undang-Undang di UIAM</li><li>Sebagai pengasas dan Penggubal Enakmen Undang-Undang Islam (Hudud dan Qisas) Kelantan pada tahun 1991</li></ul></td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Soalan KBAT :<br>Gambar di atas merupakan salah satu karya Ahmad bin Ibrahim yang terkenal. Beliau banyak menghasilkan karya yang hebat dalam bidang perundangan dan seorang yang sangat menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.<br>Huraikan iktibar yang anda boleh teladani daripada keunggulan tokoh di atas.<br><br>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta dengan huraian yang ringkas</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta dengan huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah</td><td>3</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas serta ada kesimpulan dan rumusan.</td><td>4</td></tr>
</table>
Cadangan Isi Jawapan:<ul><li>Mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu</li><li>Bersifat cekal dalam menyebarkan dakwah Islamiah</li><li>Menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki</li><li>Berusaha menjadi seorang insan yang berkualiti</li><li>Bekerjasama dalam pembangunan negara</li></ul><u>Catatan :</u><br>Lain-lain isi jawapan yang munasabah diterima.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>5(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud wasatiyah :<br>Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua prinsip wasatiyah :<ul><li>Kesederhanaan.</li><li>Kesimbangan</li><li>Keadilan</li><li>Kecemerlangan</li></ul></td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Dua hikmah melaksanakan prinsip wasatiyah :<ul><li>Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana (1m) kerana tiada berlakunya pembaziran.(1m)</li><li>Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan (1m) kerana adanya kestabilan politik.(1m)</li><li>Dapat menempuh kehidupan dengan tenang (1m) kerana emosi dan jasmani yang seimbang.(1m)</li><li>Segala kesusahan dapat diatasi dengan baik (1m) kerana al-Quran dan as-Sunnah menjadi panduan hidup.(1m)</li></ul></td><td>2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>(I+H)</td></tr>
<tr><td>5(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud alam sekitar :<br>Segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua adab menjaga alam sekitar :<ul><li>Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna.</li></ul></td><td></td></tr>
</table>



CS CamScanner

<table>
<tr><td></td><td></td><td><ul><li>Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar.</li><li>Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar.</li><li>Sentiasa menjaga kelestarian alam.</li><li>Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam.</li><li>Sentiasa berhemat dan tidak membazir menggunakan sumber air.</li></ul></td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Dua faktor berlakunya pencemaran alam sekitar :<ul><li>Sifat manusia yang tamak dalam mengejar kekayaan</li><li>Sikap suka mengambil mudah terhadap sesuatu.</li><li>Menganggap menjaga alam sekitar tanggungjawab pihak berkuasa sahaja.</li><li>Sikap manusia yang mementingkan diri sendiri.</li><li>Kurang kesedaran tentang kepentingan alam sekitar.</li></ul></td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iv)</td><td>Soalan KBAT :<br>Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan peranan pihak berkuasa mengatasi masalah tersebut.<br><br>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta dengan huraian yang ringkas</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta dengan huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah</td><td>3</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas serta ada kesimpulan dan rumusan.</td><td>4</td></tr>
</table>
<br>Cadangan jawapan :
<ul><li>Mengenakan denda/ hukuman yang berat kepada si pelaku</li><li>Memberi didikan awal tentang kepentingan menjaga alam sekitar</li><li>Mengadakan kempen/ motivasi/ ceramah kesedaran tentang alam sekitar</li></ul>
<u>Catatan :</u><br>Lain-lain isi jawapan yang munasabah diterima.</td><td>4m</td></tr>
</table>

# PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT



CamScanner